

12 OCT 2002

Mahathir-CNN

DR MAHATHIR TIDAK AKAN PEGANG JAWATAN SELEPAS BERUNDUR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak akan kembali memegang jawatan politik atau jawatan kerajaan yang disandangnya selepas meletak jawatan pada hujung tahun depan kerana beliau tidak mahu campur tangan.

Perdana Menteri berkata beliau positif untuk melepaskan jawatan tetapi akan terus kekal bersama Umno dan bekerja memastikan parti itu terus memenangi pilihan raya dan kekal menerajui kerajaan.

Bercakap dalam segmen pertama daripada siri temu bual eksklusif dengan CNN menerusi program CNN-Talk Asia yang disiarkan malam tadi, Dr Mahathir mengakui bahawa keputusannya untuk meletak jawatan seolah-olah seperti memutuskan tali pusat.

"Saya percaya saya akan kekal bersama parti, bekerja untuk parti dan saya mahu memastikan parti terus menang. Saya akan mempunyai lebih banyak masa untuk turun ke bawah bertemu orang ramai."

"Saya tentu sahaja akan terlibat dengan politik kerana saya akan turun untuk menjelaskan (kepada orang ramai) mengenai Malaysia dan poltiknya, kenapa ia perlu mengekalkan demokrasi dan bagaimana untuk meneruskan pembangunannya," katanya dalam temu bual bersama Lorraine Hahn, pengacara program 30 minit itu.

Siri temu bual itu dirakamkan di kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus membangun walaupun selepas beliau berundur kerana "Malaysia telah menyediakan semua asas bagi memastikan pembangunan yang berterusan, polisi dan mekanisme semuanya terdapat."

Selepas menerajui negara selama 27 tahun, Dr Mahathir berkata beliau akan merindui tugas itu tetapi tidaklah begitu sangat kerana beliau akan terus terbabit dengan kerja-kerja parti.

Mengenai penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata

kedua-dua mereka berkongsi kepercayaan dan kaedah serupa dalam mengurus dan membangunkan negara, hanya gaya yang akan berbeza.

Menjawab soalan Hahn sama ada Malaysia memerlukan gaya kepimpinan yang lain, beliau berkata: "Mungkin. Saya percaya ia satu kebaikan kepada rakyat untuk mendapatkan perubahan."

Menyentuh mengenai legasi yang akan ditinggalkan, Dr Mahathir berkata ia adalah aspek budaya dan bukannya aspek fizikal kerana "budaya sangat penting."

"Hakikatnya ialah saya berjaya mengekalkan keharmonian antara kaum terutama apabila saya pernah dilabelkan sebagai ultra dan anti Cina...Ia satu cabaran. Apabila saya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri terdapat kejutan kerana ada yang berpendapat saya tidak wajar dipilih," katanya.

"Ia bukan persepsi yang benar...(ia) dipromosikan oleh mereka yang mahu menyingkirkan saya, menggelar saya ultra, dan perbuatan melabelkan seseorang adalah cara berkesan untuk menjejaskan pengaruh seseorang itu."

Dr Mahathir berkata beliau menerimanya kerana ia adalah politik.

Menyentuh mengenai saat-saat penuh emosi ketika mengumumkan hasrat melepaskan jawatan semasa Perhimpunan Agung Umno Jun lepas, beliau berkata: "Saya jangka akan dapat menggelakkannya tetapi saya gagal (dan) saya tidak dapat mengawal perasaan."

Beliau berkata ia bukan luar biasa kerana dia pernah berbuat demikian, juga pada perhimpunan agung parti.

Dr Mahathir berkata beliau sebenarnya telah memutuskan untuk meletak jawatan selepas Sukan Komanwel 1998 tetapi ditangguhkan ekoran krisis kewangan dan masalah dengan timbalannya ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sejak itu saya memberi tumpuan kepada usaha memulihkan parti dan saya percaya saya telah berjaya melakukannya, dan ia telah kembali kepada keadaan asal. Maka saya berpendapat masanya telah tiba untuk berundur," katanya.

Mengenai rancangan selepas bersara, Dr Mahathir berkata beliau mungkin akan menulis dan menunggang kuda.

Temu bual itu turut menyentuh mengenai pengalaman masa mudanya  
termasuk  
semasa pendudukan Jepun.

-- BERNAMA

HK ABG MOZ